# HAL - CUBE

## Penyelesaian Untuk Usahawan Kotej Mendapat Pensijilan Halal


**Azman Bin Bidin C.A (M)**
Pengarah Urusan
Perfect Triangle Sdn Bhd

**Najdiah Abu Bakar**
Pengarah Eksekutif
Perfect Triangle Sdn Bhd




# PENGENALAN & PENYATAAN MASALAH

- Malaysia ialah peneraju dalam perdagangan Halal. Sejak tahun 1974, Malaysia telah mempelopori pensijilan Halal melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM), menetapkan standard global untuk jaminan Halal.
- Walaupun permintaan terhadap produk dan perkhidmatan Halal semakin meningkat, hampir 90% PKS Bumiputera beroperasi tanpa pensijilan Halal antaranya disebabkan:

1. Premis perniagaan yang tidak sesuai;
2. Lokasi usahawan kecil luar bandar (usahawan kotej) yang tidak dapat mengakses Taman Halal di daerah masing-masing.
3. Kos perkhidmatan perunding bebas yang tinggi dalam mendapatkan sijil Halal yang boleh mencecah antara RM3,000 hingga RM25,000, bergantung kepada saiz perniagaan.

# HAL-CUBE

- "Memperkenalkan Inisiatif HAL-CUBE – Memperkasa Usahawan untuk Mendapatkan Pensijilan Halal!"
- حل" (ḥall)" " bermaksud “Penyelesaian”, manakala “Cube” bermaksud “Binaan Premis Perniagaan”
- HAL-CUBE merupakan inisiatif Bank Islam dan rakan strategik Perfect Triangle untuk membantu usahawan-usahawan bagi memperoleh sijil Halal.
- Bank Islam, melalui program iTEKAD, tampil sebagai institusi pembiayaan yang menyokong aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan peratusan pemilikan sijil Halal di kalangan usahawan Bumiputera.

# HAL-CUBE

- HAL-CUBE akan memberikan pelbagai manfaat seperti:

  i. Premis produksi yang mampu milik dan lengkap mengikut spesifikasi kelulusan Halal JAKIM.

  ii. Bimbingan dalam proses mendapatkan pensijilan Halal.

  iii. Membantu pengembangan perniagaan usahawan dengan pematuhan kepada standard Halal bagi meningkatkan daya saing usahawan.

# HAL-CUBE: SATU PENYELESAIAN

- Kerjasama Perfect Triangle Sdn Bhd (PTSB) dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) bersama rakan sinergi MFASB Resources (MFASB) dan Global Haltech Sdn Bhd (GHSB) membawakan penyelesaian:

1. Penyediaan premis ("cube") dan peralatan untuk pengeluaran yang mematuhi piawaian Hab Halal JAKIM, Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan (BKKM) Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM), pihak berkuasa tempatan dan badan penilaian lain berkaitan.
2. Cube dibina merangkumi tapak dan rangka struktur, paip / elektrik, lekapan, kemasan luaran dan jalan masuk mengikut pensijilan Amalan Pengilangan Baik (GMP).
3. Perunding Halal yang melalukan pemantauan, pengesanan dan pelaporan program pembangunan untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan dan mendapat pensijilan halal JAKIM.

# GAMBARAN MODEL HAL- CUBE



# STRUKTUR PERLAKSANAAN HAL-CUBE




- Bank Islam menawarkan Pembiayaan Mikro iTEKAD Maju (pembiayaan maksimum RM50,000 + geran maksimum RM50,000)

- Perfect Triangle memastikan pematuhan dan penyampaian projek melalui rakan-rakan sinergi sehingga usahawan mendapat pensijilan halal.

# GAMBARAN MODEL HAL- CUBE



# GAMBARAN MODEL HAL- CUBE



# GAMBARAN MODEL HAL- CUBE



# GAMBARAN MODEL HAL- CUBE



# GAMBARAN MODEL HAL- CUBE



# PROSES KELULUSAN DAN PERLAKSANAAN

## 1. Saringan Awal Kesesuaian

- Oleh Perfect Triangle dan Global Haltech
- Untuk memastikan pematuhan kepada terma dan syarat teknikal projek

## 2. Kelulusan Pembiayaan dan Geran iTEKAD

- Oleh Bank Islam Malaysia Berhad bagi mematuhi terma dan syarat Pembiayaan dan Geran iTEKAD Maju
- Pembiayaan akan dikeluarkan kepada pelanggan dan/ atau kepada rakan sinergi

## 3. Pembinaan Cube

- Oleh MFASB Resources dengan pemantauan daripada Perfect Triangle

## 4.Pensijilan Halal Dan Bimbingan Keusahawan

- Proses dipimpin oleh Global Haltech untuk
- mematuhi segala piawaian halal JAKIM
- Memerlukan kerjasama penuh usahawan Bimbingan keusahawan oleh EDC Hope.

# SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

## Syarat Saringan Awal Hal-Cube

- Syarikat telah beroperasi minimum 1 tahun
- Perolehan tahunan perniagaan RM70,000 ke atas]
- Memiliki tapak perniagaan yang SAH (sokongan *freehold*, *leasehold* atau rezab bumiputra

## Syarat Pembiayaan Mikro iTEKAD

- Perniagaan mikro berdaftar
- Tiada tunggakan melebihi 2 bulan dalam CCRIS
- Tiada tunggakan melebihi RM1,000 dalam CTOS (Trade Reference)
- DSCR 1.0X
- Tiada rekod negatif DCHEQ
- Tidak diisytiharkan bankrap / muflis

# PROSES PENSIJILAN HALAL

GLOBAL HALTECH

- Dikendalikan oleh Global Haltech Sdn. Bhd. (GH) Konsultan halal JAKIM yang
- Bekerja rapat dengan industri untuk melaksanakan polisi halal. Berpengalaman luas dalam sains halal, memiliki makmal halal di
- Technology Park Malaysia dan penasihat teknikal kepada badan halal global.



# FAEDAH PROJEK HAL-CUBE

- **Mempercepatkan Pembangunan Perniagaan:** Projek Kiub Halal mempercepatkan pertumbuhan perniagaan usahawan mikro, menyediakan mereka dengan sumber dan infrastruktur penting untuk berkembang maju di pasaran.
- **Meningkatkan Pematuhan Halal:** Dengan menawarkan premis Halal khusus, projek ini memastikan usahawan mikro mematuhi piawaian Halal yang ketat, meningkatkan kredibiliti dan daya saing mereka di pasaran.
- **Sejajar dengan Agenda Nasional:** Projek Kiub Halal adalah selaras dengan agenda nasional Malaysia untuk pertumbuhan ekonomi dan promosi produk Halal, yang menyumbang kepada objektif pembangunan negara secara keseluruhan.
- **Memupuk Keusahawanan:** Projek ini memupuk keusahawanan dengan memperkasakan usahawan mikro, terutamanya usahawan BUMIPUTERA, untuk menubuhkan dan mengembangkan perniagaan mereka dalam industri Halal.

# SOALAN LAZIM (FAQ)

Q: Apakah itu HAL-CUBE?
A: Premis bagi penyelesaian untuk usahawan kotej bagi mendapatkan pensijilan halal.

Q: Apakah tujuan HAL-CUBE?
A: Membantu usahawan kotej dan mikro bagi mendapatkan penarafan sijil halal.

Q: Siapakah di sebalik HAL-CUBE?
A: Perfect Tringle Sdn Bhd sebagai pelaksana, disokong oleh JAKIM dan dibiayai oleh Bank Islam.

Q: Syarat kelayakan peserta HAL-CUBE?
A: i- Syarikat telah beroperasi lebih setahun
ii- Memiliki tapak perniagaan yang sah
iii- Perolehan tahunan RM70,000 dan ke atas

Q: Apakah faedah yang peserta akan peroleh dari HAL-CUBE?
A: i- Mempercepatkan pembangunan perniagaan
ii- Meningkatkan pematuhan halal
iii- Sejajar dengan agenda nasional

# Terima Kasih



Hubungi Kami:

**Azman Bidin C.A (M)**
**+6013-330 7630**

**Najdiah Abu Bakar**
**+6019-277 3776**